



## KENYATAAN MEDIA

7 Disember 2015

### **ROBOT KESAN GAS BOCOR UniMAP RAIH EMAS DI PECIPTA 2015**

Kuala Lumpur, 7 Disember – *Mobile Robot based Gas Source Localization for Monitoring, Search and Rescue Operation* hasil penyelidikan Kamarulzaman Kamarudin dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) meraih pingat emas di Pameran Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institut Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA)2015 .

Selain robot berkenaan, produk penyelidikan Dr. Gomesh Nair A/L Shasidaran, *High Power Three-level Single Phase Transformerless Photovoltaic Inverter* turut menyumbang pingat emas di pameran berkenaan yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini.

Menurut Kamarulzaman yang merupakan Penyelidik dari Pusat Kecemerlangan Teknologi Sensor Termaju (CEASTech) UniMAP, produk rekaannya merupakan robot yang boleh digunakan bagi mengesan kebocoran gas di dalam bangunan.

“Robot ini akan memudahkan kerja-kerja menyelamatkan kerana ia mampu membuat pemetaan struktur bangunan dan taburan gas di sesuatu kawasan, daripada situ kita boleh mengenalpasti kedudukan kebocoran atau sumber gas tersebut.

“Sistem ini juga boleh diubahsuai untuk spesifikasi sesuatu keadaan bencana seperti contoh gempa bumi dan pengesanan bahan letupan,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Penyampaian Hadiah PECIPTA 2015, di sini semalam.

Sementara itu penyelidik dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Sisitem Elektrik, Dr. Gomesh Nair berkata, produk rekaannya sangat sesuai untuk digunakan di kawasan pendalaman yang tidak mempunyai bekalan elektrik.

“*High Power Three-Level Single Phase Transformerless Photovoltaic Inverter* ini mampu menukarkan arus terus (DC) tenaga solar kepada arus ulang alik (AC) sebanyak 25 kilowatt.

“Disebabkan kuasa yang mampu ditampungnya tinggi, ia amat praktikal digunakan di kawasan pendalaman kerana ringan dan kos peralatan yang rendah,”katanya.

Ujar Dr. Gomez lagi, produknya tidak menggunakan pengubah yang boleh menyebabkan kehilangan tenaga akibat kepanasan dan mampu untuk membekalkan tenaga untuk peralatan yang menggunakan kuasa tinggi seperti lampu limpah, mesin gergaji, motor industri dan peralatan asas rumah.

Selain dua pingat emas tersebut, UniMAP turut meraih lapan pingat perak dan 11 gangsa pada (PECIPTA)2015.

Sebanyak 500 produk dari 44 universiti awam dan swasta serta politeknik menyertai pameran yang diadakan setiap tahun itu.

**Dikeluarkan Oleh :**

**MOHD BASRI BIN BASIR**

Penolong Pegawai Perhubungan Media UniMAP